

04/10/2001

Umno sedia berdialog takrif negara Islam

Zulkofli Jamaludin

PUTRAJAYA, Rabu - Umno sedia berdialog dengan Pas mengenai takrif negara Islam bagi mengelakkan kekeliruan rakyat, kata Pengerusi Biro Agama Umno, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman.

Beliau berkata, perbincangan secara ilmiah itu membolehkan rakyat mendapat penjelasan mengenai keutamaan dan syarat penubuhan sebuah negara Islam.

"Kita sedia bekerjasama dengan ulama dari Pas kerana semua ahli agama, termasuk dari Umno belajar dan menggunakan buku serta sumber rujukan yang sama," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Abdul Hamid yang juga Penasihat Agama kepada Perdana Menteri berkata, Umno tetap bersedia mengadakan dialog, walaupun cadangan mengadakan pertemuan di antara pemimpin kedua-dua parti itu untuk membincangkan perpaduan Melayu Februari lalu gagal.

Pertemuan itu gagal berikutan Pas meletakkan tiga prasyarat, iaitu Kerajaan Pusat mengembalikan royalti minyak kepada Terengganu, membenarkan penerbitan Harakah dua kali seminggu dan mahu kerajaan menolak cadangan Umno supaya melarang penggunaan perkataan Islam pada parti politik.

Abdul Hamid berkata, perbincangan secara ilmiah penting kerana ada pihak cuba mengelirukan rakyat dengan mendakwa negara Islam hanya boleh didirikan menggunakan kekerasan.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, pula dilaporkan berkata kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Malaysia adalah negara Islam selari dengan ajaran agama, bercanggah dengan pandangan rakyat bukan Islam yang menganggapnya sebagai sekular.

Abdul Hamid juga berkata, Malaysia sudah memenuhi takrif negara Islam seperti yang diperjelaskan ulama terdahulu sehingga sekarang.

Beliau berkata, ulama menjelaskan bahawa sebuah negara itu diiktiraf sebagai negara Islam apabila kuasa politik dan urusan pentadbirannya dikuasai orang Islam dan penduduknya hidup aman damai.

Sehubungan itu, katanya, pengisytiharan Perdana Menteri bahawa Malaysia adalah negara Islam bertepatan dengan takrif itu kerana kerajaan kini turut melaksanakan hukum syarak dan tuntutan Islam bagi menjaga kepentingan agama serta mengurus negara.

"Kerajaan sudah melaksanakan keempat-empat bahagian hukum syarak iaitu ibadat, undang-undang keluarga, muamalat dan jenayah. Bagaimanapun, tidak semua bahagian jenayah seperti hudud dapat kita laksanakan di negara ini," katanya.

Sementara itu, Abdul Hamid berkata, Umno akan menganjurkan Multaqa (Pertemuan) Pemimpin Hal Ehwal Islam yang disertai kepimpinan bahagian dari seluruh negara.

Katanya, pertemuan selama tiga hari bermula Jumaat depan bertujuan menjelaskan mengenai konsep negara Islam yang diumumkan Perdana Menteri dan kegiatan Kumpulan Militan Malaysia (KMM).

"Penjelasan segera penting kerana KMM beroperasi menggunakan masjid dan surau sehingga menyukarkan pihak keselamatan mengenali serta mengesan kegiatan mereka," katanya.

Antara pembentang kertas kerja ialah Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir yang akan membentangkan mengenai Cabaran Umat Islam Masa Kini, Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Datuk Nakhaie Ahmad (Strategi Jihad Menegakkan Kebenaran) dan Abdul Hamid mengenai Isu-Isu Pentadbiran Islam Di Malaysia Berkaitan

Politik Semasa.

Beliau berkata, Umno juga akan menjelaskan mengenai negara Islam kepada parti komponen Barisan Nasional (BN) dan mengedarkan buku Malaysia Adalah Sebuah Negara Islam yang diterbitkan oleh Jabatan Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan.

Buku yang dihasilkan oleh Ketua Pengarah Institut Kemajuan Islam Perak, Datuk Wan Zahidi Wan Teh itu akan diterjemahkan ke dalam bahasa Cina dan Tamil.

(END)